



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 4 2024



ISI KANDUNGAN



- Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2024	3
- Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya 2024	4
- PPJ HALF MARATHON 2024	5
- SESI LIBAT URUS (SLU) SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BERSAMA JWP	6
- SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2024 PERINGKAT KEBANGSAAN	7
- MAJLIS PELUNCURAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN RESIDENSI MADANI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	8
- Sesi Penyampaian Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024	9
- Sesi Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Warga Putrajaya	10
- Majlis Penyerahan Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Perbadanan Putrajaya Tahun 2023	11
- MAJLIS PELANCARAN STESEN PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK (EV)	12
- Majlis Perhimpunan bersama Presiden PPj 3/2024 & Majlis Jasamu Dikenang	15
- Putrajaya Exhibition & Conference (DIPEC) 2024	16
- MAJLIS PELANCARAN SISTEM e-REST DAN PENYERAHAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AGENSI KERAJAAN DI PUTRAJAYA 2024	18

PERTANYAAN

Sidang redaksi Perbadanan Putrajaya mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada :

ppjonline@ppj.gov.my 

Buletin PPj,
Seksyen Portal & Multimedia
Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.

 myPUTRAJAYA



Untuk maklumat lanjut, sila layari:

 www.ppj.gov.my

 [Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)

 [Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)

 [Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/user/perbadananputrajaya)

 [Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2024



Festival Light and Motion Putrajaya (LAMPU) 2024 edisi ke-8 dengan mengangkat tema 'Menerangi Masa Depan' bertujuan mempromosikan Putrajaya sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa sejak pengajuran terakhir pada 2019, diadakan di Kompleks Perbadan Putrajaya, Presint 3, merupakan acara ikonik terbesar bagi meraikan Kepengerusian ASEAN Malaysia, tahun 2025.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Dato' Fadlun bin Mak Ujud, festival tersebut berpotensi mempromosikan Putrajaya sebagai sebuah bandar pintar berteknologi tinggi serta destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa.

Menggunakan teknologi terbaik untuk pemetaan ke atas bangunan dan pelbagai segmen menarik turut disediakan termasuk acara kemuncak pada 31 Disember bagi countdown ke tahun 2025. Sebanyak lima segmen pemetaan Cahaya dipersembahkan setiap malam dengan setiap segmen berdurasi 30 minit.

Festival (LAMPU) 2024 yang bermula dari 27 Disember hingga 31 Disember 2024 ini mengenakan caj yang minima bagi tiket masuk berharga RM5 untuk dewasa dan warga emas dan RM2 untuk kanak-kanak (7-12 tahun) manakala kanak-kanak berumur bawah tujuh tahun dan Orang Kurang Upaya OKU adalah percuma.

Penganjuran festival seni cahaya dengan teknologi unik ini dapat meningkatkan keupayaan pusat pentadbiran kerajaan di sini sebagai bandar pintar melalui penggunaan teknologi canggih dalam penganjuran acara berskala besar. LAMPU 2024 turut dijadikan medan bagi menonjolkan Pelan Induk Pencahayaan Putrajaya dengan memanfaatkan seni bina ikonik bangunan yang terdapat di sini.

LAMPU 2024 bermula jam 7 malam hingga 12 tengah malam dengan mengetengahkan persembahan Pemetaan Cahaya Mega (Grand Projection Mapping) ke fasad Bangunan Istana Kehakiman menggunakan 16 projektor berbanding 12 projektor sebelum ini bagi menghasilkan kualiti visual dan teknologi pemetaan yang lebih canggih.

Aktiviti yang menarik perhatian pengunjung adalah perarakan kereta berhias yang merupakan komponen persembahan baharu untuk tahun ini dan LAMPU 2024 Gaming Fest yang diadakan khas bagi peminat e-sukan dan permainan konsol.

Edisi LAMPU kali ini, reka bentuk visual mendapat sentuhan pereka tempatan dan antarabangsa dari Itali iaitu Michele Pusceddu dan Antaless Visual Design.



Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya 2024

Sambutan Hari Penguat Kuasa Perbadanan Putrajaya 2024 telah berlangsung di Dataran Putrajaya, Presint 3, Putrajaya pada 08 November 2024 (Jumaat).

Sambutan Hari Penguat Kuasa yang disambut pada setiap tahun ini adalah bagi mengukuhkan identiti dan kesetiaan kepada organisasi.

Ia juga bagi memberi penghargaan kepada anggota penguat kuasa yang sentiasa bertindak secara tegas dan berhemah dalam memastikan tindakan penguatkuasaan diambil secara saksama serta sah di sisi undang-undang.



PPJ HALF MARATHON 2024



Acara larian ini telah dianjurkan selepas PKP sejak tahun 2023. Ini merupakan PPj Half Marathon bagi edisi ke-2. Terdapat 4 kategori dianjurkan iaitu kategori kanak-kanak, 5KM, 10KM dan 21km.

Acara ini didedahkan kepada umum untuk menyokong Pembangunan Sukan dan Pelancongan untuk membantu kerajaan dan penduduk tempatan meningkatkan pemuliharaan ekonominya, terutamanya sektor pelancongan dan sukan. Selain daripada itu, PPj Half Marathon dianjurkan dalam menyahut seruan memeriahkan Putrajaya.

Acara ini juga sebahagian daripada Eko-pelancongan di Malaysia, untuk mendedahkan apa yang terdapat di Putrajaya dengan tepat dan sepenuhnya.

PPj Half Marathon 2024 telah berlangsung pada 03 November 2024 (Ahad) di Dataran Putrajaya, Presint 3, PUTRAJAYA.



SESI LIBAT URUS (SLU) SISTEM SARAAN PERKHIDMATAN AWAM (SSPA) BERSAMA JWP

Sesi Libat Urus (SLU) Pekeling Perkhidmatan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bersama warga Perbadanan Putrajay (PPj) telah diadakan di Auditorium Tun Azizan Zainal Abidin dan telah dihadiri oleh seluruh warga kerja PPj.

Tujuan taklimat ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada warga PPj mengenai pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan kaedah tawaran opsyen SSPA kepada penjawat awam khususnya bagi warga PPj.

Sesi Libat Urus ini telah disampaikan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan dengan Kerjasama Bahagian Sumber Manusia, PPj.





BANDAR PALING MAMPAH 2024

PERBADANAN PUTRAJAYA



SAMBUTAN HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA (HPBS) 2024

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2024 peringkat kebangsaan telah berlangsung dengan jayanya di The Everly Hotel, Putrajaya pada 28 Oktober 2024 yang bertemakan "Sedaya Upaya Membina Bandar Mampan dan Pintar #DemiPertiwi", yang mencerminkan komitmen kerajaan terhadap matlamat *sustainable Development Goals (SDG)*.

Sambutan ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dengan Unit Penyelaras Lonjakan Prestasi (PACU), Pejabat Perdana Menteri.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming, merakamkan penghargaan kepada PACU dalam menjayakan pelaksanaan program ini. Beliau turut menyampaikan anugerah Malaysia Urban Planning Awards (MUPA) 2024, Anugerah Bandar Mampan 2024, Anugerah Penarafan Bandar Pintar 2024, dan Anugerah Amalan Perancangan Terbaik 2024.

Adalah diharapkan kolaborasi dan koordinasi antara kementerian, jabatan dan agensi ini dapat dijalankan lagi di masa akan datang.



MAJLIS PELUNCURAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN RESIDENSI MADANI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melancarkan projek perumahan Residensi Madani Putrajaya yang ditawarkan kepada rakyat untuk memiliki kediaman dengan harga serendah RM200,000 seunit.

Menurut Datuk Seri Anwar, pembangunan projek kediaman tersebut bertujuan menyediakan Perumahan Mampu Milik dalam kategori kos sederhana rendah kepada rakyat di Wilayah Persekutuan.

Ini merupakan salah satu usaha kerajaan membantu golongan sasar untuk memiliki kediaman yang selesa, persekitaran selamat, sihat serta menunjukkan keseriusan kerajaan membantu rakyat memiliki rumah.

Sejumlah 4,000 unit Residensi Madani Putrajaya bakal ditawarkan kepada rakyat untuk memiliki kediaman dengan harga serendah RM200,000 seunit.

Tujuh projek Residensi Madani ini terletak di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19 iaitu Residensi Madani Sentral, Serunai, Cemara, Cengkikh, Cempaka, Mawar dan Melur dan dijangka siap dibina menjelang tahun 2028.

Berkeluasan 800 kaki persegi dengan harga mampu milik, pelbagai kemudahan awam turut disediakan di dalam plot

pembangunan ini seperti surau, dewan serbaguna, tadika, taska, ruang niaga, kemudahan gelanggang sukan dan taman permainan kanak-kanak serta tempat letak kereta berbumbung.

Tapak pembinaan ini juga berdekatan dengan Pusat Kejiranan iaitu Kompleks Kejiranan, Kompleks Sekolah, Taman-Tamaan Awam dan kemudahan pengangkutan awam dan MRT.





Sesi Penyampaian Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024

YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengurus Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) telah merasmikan Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2024 di Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya pagi ini.

Konvensyen yang berlangsung pada 26 hingga 27 Oktober 2024 ini adalah anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Ia merupakan platform bagi penyampaian aspirasi Kerajaan Persekutuan dan medium wacana perkongsian ilmu serta amalan terbaik (best practices) berkaitan penyelesaian isu-isu perbandaran dan perkongsian pengalaman dalam mengukuhkan peranan dan tanggungjawab PBT dalam pembangunan masa kini.

Penarafan Bintang PBT kali ini berbeza kerana hasil kajian Tahap Rasuah Perkhidmatan Awam (Public Service Corruption Ranking – PSCR) telah dijadikan sebahagian daripada kriteria penilaian. Kajian PSCR adalah kajian yang mengenal pasti tahap perlakuan rasuah

perkhidmatan awam di PBT berdasarkan komponen yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Justeru, PBT yang cemerlang akan dipertimbangkan peruntukan tambahan mengikut kategori pencapaian seperti iaitu Tempat Pertama sebanyak RM1 juta, Tempat Kedua sebanyak RM500,000 dan Tempat Ketiga sebanyak RM300,000.

Perbadanan Putrajaya terus menempa kejayaan dengan mendapat Tempat Pertama di Anugerah Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2024 bagi Kategori Perbandaran.

Anugerah telah disampaikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya.

Beliau turut menyampaikan Anugerah Penarafan Bintang PBT Tahun 2024 kepada sembilan (9) PBT cemerlang dalam penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2024. Ia telah dilaksanakan sejak tahun 2008 melibatkan 153 PBT di seluruh negara.

Melalui anugerah ini juga, Perbadanan Putrajaya terus mengekalkan penarafan 5 Bintang bagi penilaian SPB-PBT 2024.



Sesi Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Warga Putrajaya

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra bersama orang ramai di Medan Selera Presint 16 dan Surau Ar-Rahman Presint 16, Putrajaya pada 22 November 2024 (Jumaat).



Majlis Penyerahan Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran Tahun 2023 Perbadanan Putrajaya

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengadakan Majlis Penyerahan Hadiah Cabutan Bertuah Cukai Taksiran 2023 di Dewan Seri Siantan 1, Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 24 Oktober 2024.

Majlis penyerahan hadiah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya. Sebanyak 51 hadiah cabutan bertuah telah disediakan kepada pembayar cukai taksiran yang telah membuat bayaran selama setahun dan tanpa tunggakan bagi tahun 2023.

Antara hadiah-hadiah menarik yang disediakan kepada pembayar cukai taksiran adalah gold bar 30 gram, gold bar 20 gram, laptop macbook, Samsung Galaxy Z Flip, gold bar 10 gram dan pelbagai hadiah yang lain. Inisiatif ini dilaksanakan bagi menggalakkan pemilik harta di Putrajaya agar terus bersemangat membuat bayaran cukai taksiran. Perbadanan Putrajaya akan terus menawarkan hadiah cabutan bertuah yang menarik pada tahun hadapan.





MAJLIS PELANCARAN STESEN PENGECAS KENDERAAN ELEKTRIK (EV)

Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Gentari Sdn Bhd (Gentari) melalui anak syarikatnya Gentari Green Mobility Sdn Bhd mengumumkan pelancaran stesen pengecasan kenderaan elektrik (EV) baharu di Taman Ekuestrian Putrajaya (TEP).

Terletak di tempat letak kereta berhampiran Ekues Cabin Cafe, stesen pengecasan ini menyediakan kuasa CA sehingga 7kW yang direka untuk memenuhi keperluan pengguna EV di kawasan tersebut.

Stesen pengecasan EV telah dilancarkan secara rasmi oleh Presiden PPj, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Ketua Pegawai Operasi Gentari Green Mobility, Haikal Zubir.

Menurut Fadlun, inisiatif ini adalah sebahagian daripada rancangan lebih luas PPj untuk memasang 500 unit pengecasan EV di Putrajaya menjelang 2030, sebagai sokongan kepada aspirasi Putrajaya untuk menjadi bandar rendah karbon.

Antara lokasi strategik yang telah dikenal pasti untuk stesen pengecasan pada masa hadapan termasuk di Laman Perdana, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, Taman Saujana Hijau, Marina Putrajaya, Putrajaya

Sentral dan Kelab Tasik Putrajaya.

Semasa mengecas, pengguna boleh menggunakan fasiliti yang tersedia di Taman Ekuestrian Putrajaya dengan menyertai aktiviti menunggang kuda atau menikmati hidangan dan minuman yang lazat di Ekues Cabin Cafe.

Orang ramai juga boleh menggunakan kemudahan ini dengan mudah dan lancar sebagai satu platform tenaga bersih 'Gentari Go' yang menawarkan gaya hidup baharu kepada pelanggan melalui platform ini terus kepada pengguna.





HARI REKREASI PUTRAJAYA 2024

Hari Rekreasi Putrajaya (HRP) merupakan inisiatif Perbadanan Putrajaya bagi menjenamakan Putrajaya sebagai sebuah bandar rekreasi. Ianya telah dijadikan acara tahunan sebagai usaha PPj menarik lebih ramai pengunjung untuk melakukan aktiviti rekreasi di Putrajaya.

Acara ini turut menyokong kepada penganjuran Hari Sukan Negara yang akan turut berlangsung pada tarikh yang sama di Putrajaya iaitu pada 12 Oktober 2024 (Sabtu).

HRP2024 telah berlangsung di Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya dari jam 7:00pagi sehingga jam 7:00 malam.



MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PSIKOLOGI JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 2024 - "MEKAR JIWA MADANI"



Seminar Psikologi Jabatan Perdana Menteri Tahun 2024 yang bertemakan "Mekar Jiwa Madani" telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (TKSUK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) mewakili YBhg. Tan Sri Dato' Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara bertempat di Dewan Seri Siantan, Perbadanan Putrajaya pada 24 September 2024.

Seminar ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pemahaman jelas mengenai pengurusan kesihatan mental yang positif di samping memupuk kesedaran peserta tentang nilai serta keperluan pengurusan kesihatan mental menyeluruh dalam sesebuah organisasi berpaksikan saluran yang tepat.

Terdapat tiga sesi perkongsian ilmu yang juga merupakan pengisian utama seminar pada hari ini. Antara tajuk yang dikongsikan adalah "Melestari Kesejahteraan Psikologi Penjawat Awam" yang disampaikan oleh YBrs. Dr. Abdul Jalil bin Hassan, Pengarah, Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam.



Sesi seterusnya pula menampilkan Dr. Malar Santhi Santherasegapan, Doktor Selebriti membawakan topik yang cukup menarik "Nak Sihat Dengar Nasihat".

Manakala bagi sesi perkongsian yang ketiga pula disampaikan oleh Dr. Alizi bin Alias, Konsultan Psikologi Organisasi yang mengetengahkan "Konsep Mekar Dalam Membangun Daya Bingkas Individu" sebagai penutup tirai.

Bertepatan dengan visi tema Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024 iaitu "It is time to prioritize mental health in the workplace," semoga sesi perkongsian tersebut memberi manfaat kepada semua para peserta yang telah menghadiri seminar ini.



Majlis Perhimpunan Bersama Presiden PPj bil.3/2024 & Majlis Jasamu Dikenang

Majlis perhimpunan Bersama presiden ini bertujuan untuk mendengar amanat dan nasihat demi kecemerlangan PPj daripada YBhg. Dato' Presiden.

Selain penyampaian amanat dari presiden, beberapa anugerah & pencapaian turut diumumkan sewaktu majlis bagi meraikan kejayaan bersama warga kerja PPj, laitul:

- Anugerah Tempat Pertama untuk Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2024 bagi kategori Perbandaran dengan markah penilaian sebanyak 98.69%;
- Anugerah GOLD AWARD melalui Projek Putrajaya Command Centre & Projek Smart Trap Tracker di International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2024;
- Sijil Audit Bersih Pengauditan Penyata Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Dis 2023;
- Silver Award bagi Kategori Technology & Solution Project yang diterima oleh Projek OSC 4.0 Monitoring System di LIVCOM Award 2024;
- Anugerah Bandar Paling Mampan 2024 & Anugerah Penarafan Bandar Pintar Malaysia Tahap 2-Developing Smart City yang diberikan bersempena dengan Hari Perancangan Bandar Sedunia Peringkat Malaysia 2024;
- Penarafan 5 Bintang bagi Kategori Modified PBT untuk Program Kesihatan Persekutaran PBT 2024 bersempena Majlis Sambutan Hari Persekutaran Sedunia;
- Pencapaian Tempat Pertama & Tempat Ketiga bagi Pertandingan Kuda Premier Cup CSI 1 Star Showjumping/Dressage/Tent Pegging Competition untuk 4 kategori berlainan;
- Penghargaan bagi PROGRAM REFORMASI KERENAH BIROKRASI atas pelaksanaan mempercepat kelulusanpermohonan Cadangan pemajuan di Putrajaya daripada 14 & 7 hari kepada 7 & 3 hari;



- Anugerah Saguhati bagi National Scroll of Honour Award for Human Settlements 2024 bagi Projek Kiosk Penjaja Putrajaya & Projek Kenun Komuniti 1@Taman Rimba Desa, Presint 9; dan
- Johan bagi Trek Keselamatan & Pentadbiran bersempena Anugerah Inovasi JPM 2024 melalui Projek Integrated Operation Centre (IOC).

Selain itu, turut diadakan Pelancaran Kempen Jimat Tenaga dan Kalender Acara Utama Putrajaya 2025.

Majlis turut meraikan kakitangan yang telah bersara wajib sebagai menghargai jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh mantan-mantan pekhidmat PPj.





Putrajaya Exhibition & Conference (DiPEC) 2024

Perbadanan Putrajaya (PPj) telah menganjurkan Pameran & Persidangan Digital Putrajaya 2024 (DiPEC 2024) yang menawarkan peluang kepada pentadbir bandar dan pemain industri dari dalam dan luar negara untuk menerokai pendekatan bandar pintar dalam pengurusan bandar raya. Dengan tema "AI and Data Driven Future City", DiPEC 2024 menawarkan penyelesaian berkaitan pengurusan bandaraya yang berasaskan Kepintaran Buatan (AI) dan perkongsian ilmu dari pakar-pakar industri berkaitan AI dan Big Data.

DiPEC 2024 bukan sahaja platform G2G untuk Kerajaan Tempatan tetapi juga meliputi rangkaian G2B dan B2B. DiPEC 2024 berlangsung di Dewan Persidangan Kompleks Perbadanan Putrajaya pada 4 dan 5 Disember 2024. Edisi kedua ini mempamerkan penyelesaian bandar pintar yang telah dilaksanakan di Putrajaya.

Dalam masa sama, DiPEC 2024 berhasrat untuk menggalakkan kerjasama antara bandar, kerjasama bersama pihak swasta, mewujudkan peluang pekerjaan, pembangunan data raya dan pengurusan bandar berasaskan teknologi dalam usaha meningkatkan kesejahteraan sosial.

DiPEC 2024 akan menarik penyedia penyelesaian, majlis bandar raya, pemaju bandar dan pembuat keputusan untuk inovasi dan transformasi digital di dalam pengurusan bandaraya.

DIPEC 2024 adalah platform perkongsian untuk membincangkan pendekatan strategik bagi mencapai matlamat Bandar Pintar Berwawasan, dengan menampilkan lebih 50 pameran dan 20 sesi ceramah bagi perkongsian teknologi serta inovasi terkini daripada pakar dalam dan luar negara.

Perbadanan Putrajaya juga telah memperkenalkan inisiatif digital terbaru iaitu Putrajaya Urban Observatory dan Pusat Operasi Bersepadu.

PUO ini berperanan melengkapkan visi CHASE City Wilayah Persekutuan sebagai pusat pengumpulan data dan pemantauan pelbagai aspek bandar, termasuk kualiti udara, tahap kesihatan, keselamatan penduduk, pemantauan trafik, pengurusan sisa dan pelbagai lagi indikator kesejahteraan bandar.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof.





Karnival Hari Kitar Semula Putrajaya 2024

Bersempena Hari Kitar Semula Kebangsaan, Perbadanan Putrajaya (PPj) telah mengambil inisiatif menganjurkan Hari Kitar Semula Peringkat Putrajaya dengan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta, komuniti setempat dan badan bukan Kerajaan pada 23 November 2024 bertempat di Padang Kompleks Kejiranan, Presint 9, Putrajaya.

Bertemakan Generasi Putrajaya Juara Kitar Semula, Hari Kitar Semula Putrajaya (HKSP) 2024 bertujuan memupuk kesedaran, menggalakkan budaya amalan kitar semula dan memperkuuh komitmen terhadap kelestarian alam sekitar dalam kalangan masyarakat.

Bulan kitar semula telah dilancarkan pada 13 November lalu dan beberapa aktiviti dijalankan antaranya Anugerah Kitar Semula 2024, KITARun Putrajaya 2024, Pertandingan Seni Kreatif 3R, Pertandingan Rekaan Fesyen 3R, Pertandingan Mewarna Kitar Semula, Bengkel Fabrik Terpakai Berasaskan Denim serta 3R Treasure Hunt.

Menurut Presiden PPj, Dato' TPr. Fadlun bin Mak Ujud, penganjuran kali ini memberi fokus kepada pendekatan inovatif dan interaktif untuk mempromosikan budaya kitar semula termasuk pameran teknologi hijau, aktiviti pendidikan, bengkel kreatif dan aktiviti penjualan barang kitar semula.



Acara ini berperanan sebagai platform menggalakkan kerjasama strategik antara pihak berkepentingan dalam usaha menjadikan Putrajaya bandar hijau yang mampan.

Sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan lestari PPj, HKSP 2024 bertujuan menyokong pelaksanaan Dasar Teknologi Hijau dan Dasar Pengurusan Sisa Negara dengan menyasarkan peningkatan kadar kitar semula serta mengurangkan sisa ke tapak pelupusan.





MAJLIS PELANCARAN SISTEM e-REST & PENYERAHAN PENARAFAN BINTANG TANDAS AGENSI KERAJAAN DI PUTRAJAYA 2024

Bahagian Kesihatan Persekitaran (BKP) telah mengadakan Majlis Pelancaran Sistem e-Rest iaitu System for Rating, Evaluation and Sanitary Management of Toilets yang menjadi medium penilaian kendiri yang telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2024. Pengauditan tandas awam dijalankan dua (2) siri setiap tahun bagi merealisasikan Putrajaya sebagai bandar terancang yang sememangnya amat menitikberatkan kebersihan dalam semua aspek dan seiring dengan saranan menteri.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakankan oleh YBhg. Dato' Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato'TPr. Fadlun bin Mak Ujud bersama-sama Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada 10 Disember 2024 di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

BKP juga turut mengadakan Majlis Penyerahan Penarafan Bintang Tandas Agensi Kerajaan di Putrajaya Bagi Tahun 2024. Majlis yang julung kali diadakan ini adalah bagi menghargai penilai tandas di kompleks Kementerian serta mereka yang telah memastikan tandas seliaan masing-masing menjadi tandas yang Bersih, Menawan dan

Wangi (BMW) mengikut Garis Panduan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPkt).

